

Headline	Saham utama TNB naik		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	04 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	Mahkamah	Page No	3
ArticleSize	115 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 4,385		



Saham utama TNB naik

HARGA saham kaunter untung utama Tenaga Nasional Bhd (TNB) dilaporkan meningkat 13.04 peratus atau RM1.29 susulan pengumuman semakan tarif elektrik semalam.

Harga saham berada pada RM11.18 pada 12.30 tengah hari (semalam), selepas dibuka pada RM10.80 dengan sejumlah 21.1 juta saham diniagakan.

Syarikat utiliti itu kali terakhir diniagakan pada RM9.89 sebelum ia meminta sahamnya digantung tengah hari kelmarin, apabila kerajaan umumkan tarif baharu elektrik.

Kenanga Research berkata, semakan tarif itu akan meningkatkan jualan elektrik tahun kewangan 2014 TNB sebanyak lapan peratus, yang membawa kepada pendapatan tahunan RM1.17 bilion bagi syarikat berkenaan.

"Kami mengekalkan andaian harga asas arang batu kami pada AS\$95 setan metrik.

"Justeru itu, peningkatan pendapatan tahun kewangan bagi 2014 hingga 2015 dinaikkan masing-masing sebanyak 15



peratus dan 16 peratus," kata agensi penyelidikan itu.

Sebelum ini, kerajaan mengumumkan bahawa subsidi elektrik dan gas akan

disemak semula dengan purata tarif elektrik di Semenanjung Malaysia dinaikkan sebanyak 14.89 peratus, atau 4.99 sen per kilowatt-jam (kWj), kepada 38.53 sen/kWj tahun depan, daripada 33.54 sen/kWj.

Keseluruhan tarif elektrik di Sabah dan Labuan akan dinaikkan lima sen/kWj atau kenaikan 16.9 peratus daripada kadar semasa 29.52 sen/kWj kepada 34.52 sen/kWj.

Pengguna domestik yang menggunakan elektrik sebanyak 300 kWj dan ke bawah tidak akan terjejas dengan semakan ini.

Malah kerajaan akan terus membantu dengan menyediakan rebat kepada pengguna yang bilnya berjumlah RM20 ke bawah sehingga 31 Disember 2014.

Kenanga Research kekalkan saranan 'out-perform' bagi saham itu dengan harga sasaran tinggi RM12.07. - Bernama